

TARIKH	8 / 2 / 2013	SEKSYEN	
MUKA SURAT	4	RUANGAN	Nasional

## Pelaburan sektor hartanah diterus

**Kuala Lumpur:** Lembaga Tabung Haji akan terus mempergiatkan pelaburan dalam sektor hartanah yang memberikan pulangan sehingga enam peratus.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Ismee Ismail, berkata setakat ini Tabung Haji memperuntukkan kira-kira 13 peratus daripada RM38.4 bilion dana miliknya untuk pelaburan dalam sektor hartanah dalam dan luar negara.

Beliau berkata, pelaburan sektor hartanah dikenal pasti sebagai langkah terbaik untuk memperoleh pulangan tinggi bagi membolehkan Ta-

bung Haji memberi pulangan baik kepada 8.2 juta penderosnya setakat akhir tahun lalu.

"Tabung Haji sepatutnya melabur sehingga 20 peratus dalam sektor hartanah jadi masih ada ruang untuk tingkatan lagi pelaburan," katanya pada majlis mengumumkan pengagihan bonus 2012 Tabung Haji, di sini semalam.


### Beli hartanah komersial

Ismee berkata, antara pembabitan terbaru Tabung Hhaji dalam pelaburan hartanah ialah pembinaan Kompleks Haji di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)

dan Alor Setar, manakala pelaburan di luar negara pembelian hartanah komersil di London tahun lalu.

Beliau berkata, kecenderungan Tabung Haji mempergiatkan pelaburan sektor hartanah turut dipengaruhi faktor untuk mendapatkan pendapatan berulang dalam bentuk sewaan.

"Ketika ini peluang dalam negara banyak dan selain di eropah, kita mengintai peluang hartanah di Arab Saudi yang setiap tahun kita hantar jemaah haji dan sudah biasa dengan keadaan di sana. Kita melihat jika dapat peluang pajakan hartanah di Makkah dan Madinah," katanya.



Jamil Khir (kiri) menunjukkan pengumuman Bonus Jubli Emas Tabung Haji sambil diperhatikan Abi Musa Asa'ari (tengah) dan Ismee. (FOTO IZHARI ARIFFIN/BH)